Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 9, e001742
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i9.1742

Perubahan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli Selepas Penempatan Semula di Kampung Pertak dan Gerachi Jaya, Selangor

(Socioeconomic Changes of the Orang Asli Community after Resettlement at Kampung Pertak and Gerachi Jaya, Selangor)

Ng Kah Choon[1*], Yap Sui Chai[2], Cheng Kin Meng[3]

[1]Faculty of Arts & Social Sciences, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: kahchoon.15@gmail.com
[2]Center for Housing Study, Building and Planning, Universiti Sains Malaysia, 11800, Gelugor, Penang, Malaysia.
Email: yapsuichai@gmail.com
[3]Institute of Creative Art and Design, UCSI University, 50600, Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: chengkm@ucsiuniversity.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Ng Kah Choon
(kahchoon.15@gmail.com)

KATA KUNCI:
Orang Asli
Sosioekonomi
Penempatan semula
Perubahan
Malaysia

KEYWORDS:
Orang Asli
Socioeconomics
Resettlement
Change
Malaysia

CITATION:
Ng, K. H., Yap, S. C., & Cheng, K. M.. (2022). Perubahan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli Selepas Penempatan Semula di Kampung Pertak dan Gerachi Jaya, Selangor. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(9), e001742. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i9.1742

ABSTRAK

Penempatan semula penduduk Orang Asli di Kampung Pertak telah berlaku sejak tahun 2001 oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) untuk memberi laluan kepada projek pembinaan empangan di Hulu Selangor. Kertas kajian ini bertujuan untuk membahaskan perubahan sosioekonomi Orang Asli di Kampung Pertak dan Kampung Gerachi Jaya selepas sepuluh tahun penempatan semula. Kajian soal selidik melibatkan seramai 60 responden dengan pecahan 32 responden dari Kampung Pertak dan 28 responden dari Kampung Gerachi Jaya. Di samping itu, kaedah pemerhatian dan temu bual tidak berstruktur juga dijalankan untuk mendapat maklumat berkenaan dengan kajian. Hasil kajian mendapati kedua-dua kampung ini telah dilengkapi dengan prasarana seperti tadika dan klinik. Sebahagian penduduk Kampung Gerachi Jaya mempunyai masalah dari segi sosial dan ekonomi kerana lokasi kawasan penempatan baru berada di atas bukit, oleh itu kebanyakan pekerjaan yang boleh dijalankan oleh penduduk Kampung Pertak tidak dapat dilakukan oleh mereka. Jarak antara kampung ini dengan pekan juga berjauhan, justeru interaksi antara penduduk dengan masyarakat lain berkurang, maka mereka berasa terpencil. Pihak berkuasa perlu menjalankan pemantauan teliti tentang keperluan Orang Asli selepas penempatan semula di samping memberikan pendidikan yang sewajarnya kepada mereka.

ABSTRACT

The resettlement of Orang Asli population at Kampung Pertak took place in 2001 by the Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) for a dam construction project. This research paper discusses the socio-economic changes of the

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

inhabitants at Kampung Pertak and Kampung Gerachi Jaya after ten years of resettlement. The questionnaire study involved 60 respondents, with 32 respondents from Kampung Pertak and 28 respondents from Kampung Gerachi Jaya. In addition, unstructured observation and interview methods were also conducted to obtain additional information. The results found that these two villages were equipped with infrastructures such as kindergarten and clinic. Some residents of Kampung Gerachi Jaya had socio-economic issues because the location of the new settlement area is on a hill, so most of the jobs that the residents of Kampung Pertak could do were not accessible by them. The distance between this village and the town is also far, so the interaction between the residents and the town community was limited which had caused them feeling isolated. Authorities need to closely monitor the needs of this minor community after resettlement and offer appropriate education to them.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini mengenai perubahan sosioeokonomi Orang Asli di Kampung Pertak dan Kampung Gerachi Jaya. Kajian ini menjadi panduan bagi pihak berkuasa untuk memahami dan meningkatkan tahap kebajikan Orang Asli di Malaysia terutamanya selepas penempatan semula.

1. Pengenalan

Pada tahun 2001, satu projek pembinaan Empangan Hulu Selangor telah dilaksanakan di Mukim Pertak, Hulu Selangor. Pembinaan empangan ini bertujuan untuk menyediakan bekalan air kepada 2 juta orang penduduk dan industri-industri di kawasan Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Empangan ini telah mengambil masa selama tiga tahun untuk siap (Yong, 2008).

Sebelum projek ini dijalankan, terdapat dua buah kampung Orang Asli iaitu Kampung Pertak dan Kampung Gerachi yang terletak di kawasan ini (JAKOA, 2013). Kebanyakan penduduk daripada kedua-dua kampung ini berasal daripada kaum Temuan, iaitu salah satu suku kaum daripada kumpulan Proto-Melayu (Nordiyana, 2006). Justeru, perbincangan antara pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli dengan penduduk ini telah diadakan supaya mereka bersetuju untuk berpindah ke kawasan penempatan yang baharu (JAKOA, 2013). Rancangan Penempatan Semula (RPS) Orang Asli seperti ini juga dilaksanakan di kawasan Air Banun, Gerik ekoran pembinaan empangan kuasa hidroelektrik (Mohd Yusoff et al., 2022).

Orang asli merupakan kaum minioriti yang kurang daripada satu peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia. Di Malaysia, tumpuan dasar pembangunan dasar pembangunan Orang Asli telah dilaksanakan sejak 1954 melalui Akta Orang Asli (Akta 134) dan penubuhan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Jabatan ini bertanggungjawab untuk merancang garis panduan pembangunan dan melaksanakan projek peningkatan tahap kesejahteraan, keselamatan dan mengintegrasikan mereka dengan masyarakat lain berpandukan Akta 134, Akta Orang Asli 1954 (disemak 1974) yang disenaraikan dalam hasil kajian Seow et al. (2018).

Walau bagaimanapun, sehingga kini, masyarakat Orang Asli masih kekal sebagai satu

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kelompok kecil yang terpinggir daripada teras pembangunan nasional (Yew et al., 2019). Kehidupan masyarakat Orang Asli masih jauh ketinggalan dalam pelbagai bidang. Golongan minoriti ini memerlukan bantuan serta perhatian yang lebih teliti dalam meningkatkan taraf hidup dengan pemupukan pengetahuan kehidupan moden dalam kehidupan seharian. Malah mereka memerlukan bimbingan secara terus daripada masyarakat dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) (Wan Afizi et al., 2014).

Program penempatan semula atau juga dikenali sebagai Rancangan Kampung Baru (RKB) telah dilaksanakan oleh pihak JAKOA untuk menempatkan masyarakat Orang Asli yang tinggal bertaburan ke kawasan perumahan baru yang dilengkapi dengan kemudahan, infrastruktur dan kemudahan awam. Pihak kerajaan telah bertanggungjawab untuk memastikan komuniti Orang Asli ini dapat menerima faedah dan kemudahan yang lebih efektif berbanding dengan penempatan dahulu (Seow et al., 2013). Program ini juga berlaku secara berperingkat dan bersepadu di negeri-negeri yang mempunyai komuniti Orang Asli. Dalam kajian ini, program penempatan semula melibatkan sebanyak 76 buah keluarga Temuan. Secara terperincinya, penempatan semula bagi penduduk Kampung Pertak berlaku pada Oktober 2001 seperti yang diterangkan dalam dapatan kajian Yong (2008).

Sebanyak 37 keluarga iaitu 160 orang penduduk Kampung Pertak telah ditempatkan di sekitar lereng-lereng bukit manakala penempatan semula bagi penduduk Kampung Gerachi pula berlaku pada Ogos 2001 dimana lokasi penempatan semula di kawasan atas bukit yang terletak sejauh 20km daripada kampung asal dan dinamakan sebagai Kampung Gerachi Jaya (Nordiyana, 2006).

Mengikut kajian Nur Fadillah dan Doris (2018), pihak kerajaan telah menjalankan pelbagai inisiatif bagi menjamin kebajikan masyarakat di Malaysia terutamanya golongan orang Asli, namun masalah sosioekonomi ini tidak dapat diatasi secara keseluruhannya. Semasa penempatan semula berlaku, penduduk telah dijanjikan akan diberi pampasan dari segi kewangan, tanah pertanian dan kemudahan infrastruktur. Oleh itu, penduduk- penduduk bersetuju untuk berpindah ke kawasan-kawasan yang ditetapkan. Walaupun hanya 2 buah rumah sahaja yang terlibat dalam penempatan semula di Kampung Pertak, namun disebabkan kebiasaan amalan hidup berkelompok, maka keseluruhan kampung telah dipindahkan ke kawasan baru agar komuniti ini dapat meneruskan amalan mereka (JAKOA, 2013). Penempatan semula telah menyebabkan penduduk ini perlu mengadaptasi gaya hidup baru. Penduduk telah diberikan rumah kediaman yang diperbuat daripada konkrit sebagai pampasan (Rajah 1).

Rajah 1: Rumah kediaman yang diberikan oleh pihak berkuasa kepada penduduk.



© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Berdasarkan maklumat yang dikumpulkan oleh pihak JAKOA pada tahun 2009, terdapat sebanyak 44 rumah konkrit yang diberikan kepada penduduk di Kampung Pertak manakala bagi Kampung Gerachi Jaya, sebanyak 38 buah rumah konkrit yang diberikan kepada penduduk tersebut. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, rumah-rumah di penempatan baru tersebut dilengkapi dengan bekalan utiliti seperti air dan elektrik.

Selain rumah kediaman, surau dan tadika juga telah dibina untuk memenuhi keperluan penduduk dari segi kepercayaan dan pendidikan (Rajah 2). Ini memudahkan penduduk untuk menikmati kemudahan tersebut kerana lokasinya berhampiran dengan rumah kediaman mereka. Satu kajian telah dilakukan untuk memahami pengetahuan dan pandangan komuniti Orang Asli tersebut mengenai impak-impak projek pembinaan terhadap alam sekitar dan sosioekonomi tempatan. Pengetahuan tempatan penting bagi memastikan kemapanan pembangunan fizikal di kawasan kajian (Vanclay, 2017; Ahmadvand & Karami, 2009). Berdasarkan hasil kajian Nordiyana (2006), secara keseluruhannya tidak banyak perubahan yang dialami oleh penduduk khususnya dari aspek pendidikan dan ekonomi selepas penempatan semula terutamanya kepada komuniti kecil. Sebagai contoh, orang Semai berasa tertekan dan kecewa dengan pengurangan bantuan kewangan yang mendadak selepas penempatan berlaku di Kampung Betau, Pahang (Hasan, 1989).

Rajah 2: Penyediaan kemudahan surau dan tadika untuk penduduk di Kampung Gerachi Jaya.



Malah terdapat kemerosotan dari segi aspek hubungan sosial dan fizikal. Masyarakat Orang Asli juga mengalami proses adaptasi di kampung baharu, terutamanya dari aspek perubahan fizikal. Tetapi, dari aspek ekonomi, adaptasi yang dilakukan masih sama dan mereka masih bergantung ke atas hasil hutan. Keadaan ini juga ditegaskan dalam dapatan kajian Ronzi et al. (2019), di mana polisi pembangunan komuniti Orang Asli perlu dititikberatkan dan dinilai semula supaya kesejahteraan dalam kehidupan mereka dapat dijamin. Di samping itu, program pembangunan prestasi pendidikan di kalangan masyarakat Orang Asli juga perlu dipentingkan supaya mereka mampu mencapai tahap pendidikan yang sewajarnya seperti generasi muda lain di negara ini (Wan Afizi et al., 2014). Justeru, kajian ini dilakukan untuk melihat perubahan sosioekonomi selepas 10 tahun penempatan semula yang berlaku di kawasan ini.

2. Metod Kajian

Kajian ini melibatkan pengumpulan data primer melalui pengedaran borang soal selidik dalam kalangan penduduk etnik Temuan dan pemerhatian di Kampung Pertak dan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kampung Gerachi Jaya, Hulu Selangor. Untuk mendapat maklumat yang lebih mendalam, hasil pemerhatian juga direkodkan dengan mengambil gambar di kawasan kajian. Pemilihan responden dibuat secara rawak berdasarkan kepada kesediaan dan persetujuan dalam kalangan komuniti Orang Asli di kawasan kajian.


Kajian ini melibatkan seramai 60 responden dengan pecahan 32 responden bagi Kampung Pertak dan 28 responden bagi Kampung Gerachi Jaya. Borang soal selidik telah diedarkan kepada ketua isi rumah atau ahli keluarga oleh pengkaji untuk membantu responden melengkapkan borang soal selidik tersebut secara bersemuka di lapangan (Mohd Yuszaidy et al., 2021). Borang soal selidik ini meliputi tiga bahagian iaitu maklumat peribadi responden, indikator sosial dan indikator ekonomi. Maklumat peribadi merangkumi umur, latar belakang pendidikan, pekerjaan utama dan anggaran pendapatan isi rumah. Indikator sosial meliputi tekanan kehidupan, perubahan gaya hidup di samping indikator ekonomi seperti perubahan pendapatan dan perubahan kos sara hidup selepas penempatan.

Secara puratanya, setiap responden mengambil masa antara 30 hingga 45 minit untuk melengkapkan borang soal selidik. Data yang dikumpulkan telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) dan dibincangkan secara deskriptif tetapi kritis untuk menilai pandangan subjektif responden terhadap perubahan yang telah dialami oleh penduduk Orang Asli di kawasan kajian. Pengambilan gambar di sekitar kawasan kajian juga dijalankan untuk lebih memahami perubahan yang didapati daripada hasil kajian soal selidik. Hasil kajian dipersembahkan berasaskan tema-tema yang berkaitan dengan kajian ini dan analisis kuantitatif serta kualitatif juga dilaksanakan untuk memperkayakan dapatan kajian ini (Nur Fadillah & Doris, 2018).

2.1. Lokasi Kajian

Projek penempatan semula ini dijalankan di kawasan sekitar Empangan Hulu Selangor iaitu 3 km dari Kuala Kubu Bharu. Selepas penempatan semula, Kampung Gerachi Jaya berada di bahagian atas bukit manakala Kampung Pertak terletak di kaki bukit. Kampung Gerachi Jaya terletak 4 km dari Kuala Kubu Bharu manakala Kampung Pertak terletak 3 km dari bandar ini (Rajah 3).

Rajah 3: Kedudukan Kampung Gerachi Jaya dan Kampung Pertak selepas penempatan semula




© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4. Hasil Kajian dan Perbincangan

Rajah 4 menunjukkan profil responden dari segi jantina dan umur. Kebanyakan responden terdiri daripada golongan perempuan berumur antara 18-24 tahun diikuti oleh golongan wanita berumur 46-60 tahun. Keadaan ini menunjukkan bahawa golongan perempuan muda telah dipertanggungjawabkan untuk menjaga rumah, oleh yang demikian mereka sentiasa berada di rumah kediaman. Jumlah responden yang kedua banyak ialah golongan ibu (46-60 tahun) kerana golongan wanita ini sedang melakukan kerja rumah semasa kajian ini dijalankan. Oleh itu, mereka lebih cenderung untuk dipilih sebagai responden kajian ini.

Rajah 4: Hubungan antara umur dengan jantina responden




Temu bual dijalankan pada waktu tengah hari, golongan lelaki sedang mencari rezeki di luar kawasan kediaman dan golongan wanita pula sibuk dengan kerja-kerja rumah. Penebangan dan pengumpulan buluh merupakan aktiviti harian yang dilakukan secara meluas oleh etnik Temiar kerana mereka mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran tentang ciri-ciri buluh di kawasan hutan (Amir Zal, 2013). Oleh itu, taburan jantina responden adalah tidak seimbang iaitu seramai 38.3% lelaki dan 61.7% perempuan. Jumlah responden daripada kategori umur lebih 61 tahun juga tidak melebihi 10.0% menunjukkan bahawa kedua-dua kampung ini tiada masalah dari segi fenomena penuaan. Sebaliknya, bilangan penduduk kanak-kanak adalah tinggi di kampung-kampung ini. Data-data perlu diambil kira supaya pihak berkuasa dapat menyediakan lebih banyak kemudahan untuk pendidikan bagi mereka. Seperti yang ditegaskan dalam kertas kajian Wan Afizi et al. (2014), pendidikan formal bagi masyarakat Orang Asli adalah kaedah yang paling tepat untuk meningkatkan tahap ilmu pengetahuan mereka.

Melalui kajian soal selidik, didapati julat anggaran pendapatan bagi kedua-dua kampung adalah sangat ketara. Julat pendapatan bagi Kampung Pertak adalah lebih tinggi iaitu antara RM100-RM3000 dan ke atas manakala julat pendapatan bagi Kampung Gerachi Jaya adalah antara RM100-RM1000. Sebanyak 34.48% daripada penduduk Gerachi Jaya adalah bergaji bulanan kurang daripada RM500 (Rajah 5). Keadaan ini berkaitan dengan lokasi tempat tinggal mereka dan jenis pekerjaan mereka.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rajah 5. Anggaran pendapatan bagi kedua-dua kampung.



Selepas penempatan semula, penduduk Gerachi telah dipindahkan ke kawasan atas bukit. Ini meningkatkan jarak antara tempat tinggal penduduk dengan pekan. Kebanyakan peluang pekerjaan yang lumayan adalah ditawarkan di kawasan pekan. Oleh sebab berjauhan, jadi penduduk Gerachi Jaya sukar untuk mencari kerja di pekan-pekan lain seperti di Kuala Kubu Bharu. Ini menyebabkan mereka hanya boleh mengekalkan jenis pekerjaan tradisional seperti kerja kampung dan mengutip hasil hutan. Sebaliknya, penduduk Pertak telah ditempatkan semula di kawasan yang lebih berdekatan dengan pekan. Dengan ini, mereka lebih mudah untuk mencari pekerjaan di pekan-pekan berhampiran. Pada masa yang sama, mereka juga lebih mudah untuk memasarkan hasil kutipan, tanaman dan produk-produk mereka di pasaran pekan. Oleh itu, julat gaji bagi penduduk ini lebih tinggi berbanding dengan penduduk di Kampung Gerachi Jaya. Keadaan ini menunjukkan bahawa lokasi penempatan telah mempengaruhi pendapatan hidup penduduk.

Majoriti daripada penduduk dari Kampung Pertak iaitu sebanyak 27.12% daripada jumlah responden tidak atau kurang bersetuju bahawa sumber pendapatan mereka semakin merosot (Rajah 6). Keadaan ini agak berbeza Kampung Gerachi, majoriti penduduk daripada kampung ini iaitu sebanyak 37.28% bersetuju atau sangat bersetuju bahawa sumber pendapatan mereka semakin merosot. Hal ini disebabkan lokasi tempat tinggal bagi kedua-dua kampung telah mempengaruhi sumber pendapatan mereka. Ini adalah selaras dengan hasil kajian bagi anggaran pendapatan penduduk.


Bagi Kampung Pertak, anggaran pendapatan penduduknya adalah lebih tinggi berbanding dengan penduduk Kampung Gerachi Jaya. Hal ini menunjukkan bahawa penduduk Pertak tidak mengalami tahap kemerosotan sumber pendapatan yang sangat ketara kerana lokasi petempatan ini adalah berdekatan dengan pekan dan mudah untuk mencari pekerjaan di pekan.

Bagi penduduk Gerachi Jaya, mereka telah dipindahkan ke kawasan atas bukit. Oleh itu, tahap ketersampaian ke pekan untuk mencari rezeki adalah rendah. Dengan ini, penduduk di kampung ini berpandangan bahawa mereka mengalami kemerosotan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).


sumber pendapatan selepas penempatan semula berlaku. Kemerosotan sumber pendapatan ini telah menyebabkan penduduk di kampung Gerachi Jaya perlu berusaha untuk mengekalkan gaya hidup asal mereka untuk mengurangkan kos sara hidup.

Rajah 6: Tahap Kemerosotan Sumber Pendapatan.



Rajah 7 menunjukkan jenis pekerjaan utama yang dijalankan oleh penduduk tempatan untuk mengekalkan kehidupan mereka. Jenis pekerjaan ini merupakan salah satu piawaian yang boleh digunakan untuk menilai tahap ekonomi bagi penduduk di Kampung Pertak dan Kampung Gerachi Jaya.

Rajah 7: Pekerjaan utama bagi responden dari kedua-dua kampung



Berdasarkan kepada hasil kajian ini, majoriti daripada penduduk Kampung Pertak iaitu sebanyak 17.24% daripada responden memungut hasil hutan sebagai pekerjaan mereka.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).


Selain itu, terdapat juga sebanyak 12.07% daripada penduduk di kampung ini menjalani kerja kampung untuk menanggung kehidupan sekeluarganya.

Keadaan ini agak berbeza dengan penduduk di Kampung Gerachi Jaya. Penduduk di kampung ini kebanyakannya (sebanyak 20.69%) menjalani kerja kampung. Menurut responden, kerja-kerja kampung ini merangkumi kerja memotong rumput, membaiki rumah penduduk, membaiki paip air dan sebagainya. Selain kerja-kerja kampung, terdapat juga penduduk yang tidak mempunyai pekerjaan, iaitu mereka hanya mengambil sumber alam semula jadi yang ada apabila diperlukan untuk keperluan kehidupan.

Berdasarkan hasil temu bual, antara kerja swasta yang dijalankan oleh penduduk di Kampung Gerachi Jaya termasuk menjadi pengawal di Empangan Hulu Selangor, mengikat colok dan memotong rumput untuk pengusaha di pekan di mana gaji mereka adalah bergantung kepada jenis pekerjaan yang dijalankan.

Rajah 8 menunjukkan hubungan antara sumber pendapatan dengan kos sara hidup. Sumber pendapatan ini merujuk kepada cara penduduk mendapatkan sumber ekonomi khususnya melalui pekerjaan. Kos sara hidup pula merupakan jumlah wang yang diperlukan untuk menanggung kehidupan mereka (Nur Fadillah & Doris, 2018). Kedua-dua faktor ini boleh memberikan satu gambaran tentang tahap ekonomi penduduk ini. Secara keseluruhan, kebanyakan penduduk Orang Asli dari kedua-dua kampung ini, iaitu 25.86% daripada responden bersetuju bahawa mereka sumber pendapatan mereka telah merosot, pada masa yang sama, kos sara hidup mereka juga meningkat. Keadaan ini menunjukkan bahawa majoriti penduduk ini sedang mengalami kemiskinan yang ketara kerana mereka tiada sumber pendapatan yang mencukupi untuk menanggung kos sara hidup yang semakin meningkat.

Rajah 8: Hubungan antara sumber pendapatan dengan kos sara hidup.




Berdasarkan hasil temu bual, penduduk tempatan ini berpendapat bahawa terdapat juga di kalangan mereka yang tidak mendapat pampasan seperti yang dipersetujui oleh pihak berkuasa. Tambahan pula, jarak antara kampung-kampung dengan pekan dan bandar

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

telah bertambah berbanding dengan kampung lama. Keadaan ini menyebabkan sumber pendapatan mereka menurun selepas penempatan semula berlaku. pada masa yang sama, mereka juga perlu membayar bil-bil seperti bil air dan bil elektrik. Dengan ini, ada di kalangan penduduk membina paip air untuk menyalurkan sumber air dari atas bukit. Ini adalah antara langkah-langkah yang digunakan oleh mereka untuk mengurangkan kos sara hidup.

Kebanyakan penduduk Kampung Pertak iaitu sebanyak 28.33% tidak atau kurang bersetuju bahawa mereka mengalami tekanan selepas penempatan semula berlaku (Rajah 9). Berdasarkan pandangan seorang responden, "*Saya duduk sini tak beza sangat sebab dekat dengan kampung lama dan pekan, sini pun ada sungai untuk ambil air. Tak adalah tekanan sangat*." Ini menunjukkan keadaan lokasi bagi Kampung Pertak adalah strategik iaitu ketersamapaian yang tinggi untuk mendapatkan barangan keperluan dari pekan. Selain itu, mereka juga boleh mendapatkan pekerjaan dan pendidikan dengan lebih mudah berbanding dengan penduduk di Kampung Gerachi Jaya. Walau bagaimanapun, terdapat juga 11.67% responden sangat bersetuju atau bersetuju untuk soalan ini.

Rajah 9: Tahap tekanan kehidupan responden.




Oleh sebab tahap ketersampaian bagi Kampung Gerachi Jaya adalah rendah, maka penduduk di sini sukar untuk mendapatkan keperluan seharian, pekerjaan dan pendidikan peringkat menengah. Keadaan ini menyebabkan mereka berasa tekanan kerana kekurangan sumber kewangan dan kekurangan peluang untuk berinteraksi dengan dunia luar. Di samping itu, lokasi petempatan Gerachi Jaya di atas bukit ini juga menyebabkan mereka sukar mendapatkan sumber air, jadi mereka hanya boleh menggunakan sumber air yang disediakan oleh pihak kerajaan. Dengan ini, mereka perlu membayar bil air yang agak tinggi bagi mereka. Ini meningkatkan lagi tekanan ke atas mereka dari segi sosioekonomi.

Responden-responden dari kedua-dua kampung juga bersetuju atau sangat bersetuju bahawa cara hidup mereka telah berubah selepas penempatan semula dijalankan (Rajah

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

10). Keadaan ini juga lebih ketara berlaku di Kampung Gerachi Jaya berbanding dengan Kampung Pertak.

Rajah 10: Pandangan responden tentang pengubahan gaya hidup asal mereka.




Sebanyak 45.76% responden dari Kampung Gerachi Jaya bersetuju dengan soalan ini, hal ini disebabkan berdasarkan hasil temu bual dengan beberapa orang responden, mereka berkata bahawa di kampung asal, mereka boleh menggunakan sumber alam semula jadi secara percuma untuk kegunaan sekeluarga. Sekarang, mereka perlu membayar untuk sumber air.

Selain itu, mereka juga akan menjalankan jamuan besar semasa tahun baru sebelum penempatan semula berlaku. Untuk menjayakan jamuan yang meriah ini, setiap keluarga akan menyediakan makanan masing-masing untuk jamuan ini. Tetapi perayaan ini semakin berubah selepas penempatan baru berlaku, penduduk di sini telah kekurangan berinteraksi antara satu sama lain kerana jarak antara rumah-rumah kediaman agak jauh, jadi mereka hanya menyediakan makanan untuk seisi keluarga sendiri sahaja semasa tahun baru. Keadaan ini menyebabkan sifat kejiranan semakin berkurangan di kampung ini selepas penempatan semula berlaku. Majoriti daripada responden Kampung Pertak juga bersetuju dengan pernyataan ini. Mereka juga mengalami kekangan dari segi interaksi sosial seperti yang dialami oleh penduduk kampung Gerachi Jaya.

Rajah 11 menunjukkan kebanyakan penduduk Kampung Pertak tidak mengalami masalah air manakala majoriti penduduk Kampung Gerachi Jaya berkata bahawa mereka mempunyai masalah dari segi bekalan air untuk kegunaan harian. Hal sedemikian disebabkan bekalan air dari bukit yang percuma adalah mencukupi untuk kehidupan mereka semasa tinggal di penempatan dahulu.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rajah 11: Pandangan responden tentang masalah bekalan air.



Rajah 12 menggambarkan Sungai Pertak yang terletak berhampiran dengan Kampung Pertak. Air di dalam sungai ini boleh digunakan untuk kehidupan seharian bagi penduduk tempatan. Pada masa yang sama, mereka juga mempunyai bekalan air bersih dari Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS). Jadi, penduduk di sini mempunyai bekalan sumber air bersih yang mencukupi untuk kegunaan seharian. Bagi Kampung Gerachi Jaya, kampung ini tidak mempunyai sungai dan altitud yang tinggi menyebabkan bekalan air tidak sampai ke kawasan ini. Jadi, penduduk memberitahu bahawa sesetengah masa mereka tidak mempunyai bekalan air. Ini menyusahkan aktiviti harian mereka seperti memasak, membasuh, mandi dan sebagainya. Keadaan ini telah menyebabkan kualiti hidup menurun.

Rajah 12: Sungai Pertak yang terletak berdekatan dengan Kampung Pertak.




Berdasarkan hasil soal selidik ini, responden dari kedua-dua kampung juga bersetuju bahawa mereka mula bersikap terbuka kepada perubahan pembangunan yang telah dilakukan oleh pihak berkuasa (Rajah 13). Perubahan pembangunan ini telah membawa kesan-kesan yang positif dan negatif kepada mereka. Dengan ini, kebanyakan daripada mereka sudah mula menerima dan mengadaptasi dengan perubahan ini. Selain itu, berdasarkan seorang responden dari Kampung Gerachi Jaya, "*Diorang bagi rumah baru,*

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

baguslah, tak payah risau rumah papan rosak macam dulu. Sekarang dah ok. Kami ikut je apa yang Tok Batin kata. Dia kata ok, kami pun ok je." Ini menunjukkan bahawa kesetiaan dan kepercayaan mereka terhadap Tok Batin telah menyebabkan mereka telah berubah sikap daripada tradisional kepada terbuka dari segi penerimaan terhadap perubahan pembangunan sebegini.

Rajah 13: Sikap terbuka kepada perubahan pembangunan.



Walaupun penempatan semula telah berlalu lebih daripada 10 tahun, terdapat juga segelintir penduduk yang masih tidak dapat membiasakan diri dengan perubahan pembangunan ini. Mereka berasa tradisi dan reka bentuk rumah asal mereka patut dikekalkan supaya kehilangan tradisi tidak berlaku. Kebanyakan responden yang berpegang prinsip ini terdiri daripada golongan penduduk yang berusia tua. Mereka masih merindui gaya hidup asal walaupun diberikan kemudahan-kemudahan baru oleh pihak berkuasa.

Hasil kajian ini bukan untuk membandingkan perubahan sosioekonomi yang dialami oleh kedua-dua kampung, tetapi bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan sesuatu isu berlaku bagi sesuatu kampung. Oleh sebab penempatan semula telah memindahkan penduduk ke dua kawasan yang berlainan lokasi dan ciri-ciri geografinya. Jadi, lokasi telah memainkan peranan yang penting dalam perubahan sosio-ekonomi yang dialami oleh masyarakat setempat ini.

Secara keseluruhannya, berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat bahawa kebanyakan responden dari Kampung Gerachi Jaya berpendapat bahawa mereka mempunyai masalah dari segi sosial dan ekonomi. Hal ini disebabkan lokasi kawasan penempatan baru adalah berada di atas bukit, jadi kebanyakan pekerjaan yang boleh dijalankan oleh penduduk Pertak tidak dapat dilakukan oleh mereka. Jarak antara kampung ini dengan pekan adalah jauh, jadi interaksi antara penduduk dengan masyarakat pekan juga berkurang, ini menyebabkan mereka berasa terpencil dan tekanan akibat daripada kekangan interaksi sosial.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 1. Rumusan profil penduduk dan pandangan majoriti penduduk secara keseluruhan.

A. Profil Kampung	**Kampung Pertak**	**Kampung Gerachi Jaya**
Lokasi	Kaki bukit	Atas bukit
Bilangan unit keluarga	44	38
Panjang jalan berturap	2 kilometer	3 kilometer
Tahap ketersampaian	Tinggi	Rendah
Pekerjaan utama	Memungut hasil hutan	Kerja kampung
Julat anggaran pendapatan	RM100-RM3000	RM100-RM1000
B. Pandangan Majoriti Penduduk	**Kampung Pertak**	**Kampung Gerachi Jaya**
Kemerosotan pendapatan	Tidak setuju (16.95%)	Setuju (22.03%)
Tekanan socio-economic	Kurang setuju (20.00%)	Setuju (16.67%)
Ubah gaya hidup asal	Setuju (16.64%)	Setuju (27.12%)
Masalah bekalan air	Tidak setuju (15.79%)	Sangat setuju (19.30%)
Menerima perubahan pembangunan	Setuju (27.59%)	Setuju (25.86%)

Kesemua faktor ini telah menyebabkan sumber ekonomi penduduk di kampung ini berkurang manakala kos sara hidup yang semakin meningkat telah menyebabkan tekanan mereka turut bertambah. Akan tetapi, lokasi penempatan semula ini adalah pilihan penduduk semasa perjanjian bersama pihak berkuasa dijalankan. Antara sebab utama mereka memilih kawasan tanah tinggi sebagai kawasan kediaman baru mereka adalah mereka bimbang empangan yang dibina akan pecah pada masa hadapan seperti yang berlaku pada Kuala Kubu Bharu sebelum ini. Selain kesukaran yang dialami oleh mereka, mereka juga menerima impak-impak yang positif seperti tidak menerima unsur-unsur negatif dari pekan dan bandar seperti isu mabuk dan jenayah. Jadi, mereka sudi memilih kawasan ini sebagai tempat tinggal.

Bagi penduduk Kampung Pertak, jumlah isi keluarga yang lebih tinggi dan jarak jalan berturap yang pendek telah memberikan implikasi bahawa penduduk menduduki dengan lebih berdekatan antara satu sama lain. Jadi, mereka tidak memerlukan jalan berturap yang panjang. Tahap ketersampaian kampung ini dengan pekan adalah lebih tinggi. Ini adalah baik untuk mendapatkan segala kemudahan dan peluang yang ditawarkan di pekan kepada masyarakat ini. Dengan ini, mereka tidak mempunyai masalah yang ketara dari segi ekonomi kerana mempunyai sumber pendapatan yang tetap.

Akan tetapi, kampung ini mempunyai isu sosial di kalangan remaja khususnya isu mabuk. Isu ini telah dipertikaikan oleh kebanyakan penduduk kerana remaja-remaja yang mabuk telah mengganggu kehidupan mereka. Remaja di sini lebih cenderung untuk membeli arak dari pekan kerana jarak kampung dekat dengan pekan. Menurut seorang responden, tiada tindakan yang diambil oleh Tok Batin dan pihak berkuasa untuk menangani masalah ini. Jadi, dia berharap pihak-pihak yang terlibat boleh mengadakan langkah-langkah untuk mengurangkan masalah ini seperti melalui ajaran agama dan pendidikan.

Walau bagaimanapun, penduduk kedua-dua kampung ini juga bersikap terbuka terhadap perubahan akibat daripada pembangunan ini. Kebanyakan responden juga berpandangan bahawa penempatan semula ini telah berlaku sejak tahun 2001, jadi mereka pun sudah membiasakan diri dengan keadaan sekarang. Tetapi, sesetangah masalah yang timbul tetap menimbulkan ketidakpuasan di kalangan penduduk ini.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Antaranya ialah isu pampasan, pembayaran bil-bil, bekalan air dan pendidikan. Majoriti mengharapkan mempunyai sekolah rendah di kampung mereka supaya anak-anak dapat menerima pendidikan seperti budak-budak di pekan.

Dengan ini, pihak berkuasa haruslah mengambil inisiatif untuk memberi prihatin yang sewajarnya supaya keperluan masyarakat Orang Asli ini dapat dipenuhi. Hal ini disebabkan penempatan semula telah mengubahkan gaya hidup mereka dan kebanyakan daripada mereka adalah berpendidikan rendah. Jadi, pihak-pihak yang terlibat haruslah menurun padang dan memahami keadaan yang sebenarnya dialami oleh golongan masyarakat ini supaya mereka tidak berasa terpinggir daripada masyarakat luar.

Berdasarkan hasil temu bual, walaupun penempatan semula telah berlalu selama 12 tahun, tetapi terdapat penduduk yang masih mengamalkan cara hidup lama di kampung-kampung ini. Ini bermakna mereka tidak dapat membiasakan diri dengan cara hidup yang moden ini seperti yang dijangkakan oleh pihak berkuasa. Dengan ini, sebahagian daripada masyarakat ini tetap mengamalkan cara hidup lama mereka. Hal ini disebabkan bagi mereka, pemodenan bermakna peningkatan kos sara hidup, ini dapat ditunjukkan dari segi pembayaran bil elektrik dan bil air. Berdasarkan seorang responden, "*Dulu semua percuma, sekarang semua kena bayar, api pun kena bayar. Hidup makin susah ni.*" Ini menunjukkan bahawa pendapatan mereka yang sedikit adalah tidak mencukupi untuk menampung kos bagi gaya hidup yang moden ini. Jadi, mereka lebih suka mengamalkan cara hidup yang lama. Ini juga selaras dengan kertas kajian yang dilakukan oleh Yew et al. (2019) di mana dahulunya mereka senang mendapat bekalan air daripada sungai dan bukit tetapi sekarang mereka perlu bayar untuk bekalan utiliti ini.

Bagi pihak berkuasa dan pihak pembina, penyediaan kemudahan ini adalah untuk membantu penduduk supaya bersetuju untuk berpindah ke kawasan baru ini, pada masa yang sama mereka cuba untuk mendedahkan masyarakat ini kepada gaya kehidupan yang moden.

Berdasarkan Rajah 14 (kiri), walaupun pihak kerajaan telah menyediakan rumah kediaman kepada penduduk di kawasan kajian, tetapi mereka tetap membina rumah kediaman mengikuti reka bentuk tradisional seperti di kawasan penempatan dahulu. Ini menunjukkan bahawa sebahagian daripada mereka telah biasa dengan cara kehidupan dan reka cipta perumahan lama walaupun mereka telah diberikan kemudahan perumahan baru di penempatan baru.

Rajah 14 (kiri) menunjukkan sebuah rumah buluh lengkap dengan bilik, dapur dan bekalan air dialirkan dari hutan melalui paip dan tandas. Berdasarkan responden ini, tujuan pembinaan rumah ini adalah kerana dia tidak biasa tinggal di dalam rumah konkrit. Keadaan ini selaras dengan hasil kajian yang diperhatikan oleh Yew et al. (2019) di mana sebahagian Orang Asli berasa rumah atau pondok yang diperbuat daripada kayu dan buluh lebih sejuk berbanding dengan rumah batu kerana reka bentuknya membenarkan aliran angin dan udara dari luar.

Tambahan pula, sumber makanannya adalah hasil hutan dan hampir kesemua bahan-bahan dalam rumahnya diperolehi daripada sumber alam semula jadi. Dengan ini, dia tiada sumber ekonomi untuk membayar bil-bil. Berdasarkan hasil temubual dengan seorang responden, *tanah ini adalah milikannya dan tiada sesiapa pun yang berhak*

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

untuk merampas tanah tersebut. Pernyataan ini menunjukkan bahawa pihak JAKOA perlu memberikan taklimat yang lebih mendalam dan menyeluruh kepada komuniti Orang Asli ini supaya mereka dapat hidup dalam keadaan yang baik dan keperluan mereka juga perlu dipenuhi untuk meningkatkan tahap kesejahteraan hidup terutamanya dari aspek sosioekonomi.

Rajah 14**:** Rumah kayu (kiri) dan bahagian rumah kediaman daripada kayu (kanan) yang dibina oleh penduduk.



Berdasarkan Rajah 14 (kanan), rekabentuk rumah ini telah menggabungkan konkrit dan kayu. Hal ini disebabkan responden ini telah membiasakan diri dengan kehidupan lama. Tetapi dia telah diberikan rumah konkrit, jadi dia telah mengambil inisiatif untuk membina satu 'bilik' kayu di tepi rumahnya sebagai dapur untuk memasak. Ini menunjukkan penduduk di sini telah mengambil langkah-langkah yang berlainan untuk membiasakan diri dengan persekitaran yang baru selepas penempatan semula berlaku.
Di samping itu, penempatan baru ini menimbulkan isu dari segi ketersampaian ke kawasan pekan dan kawasan lain. Hal ini disebabkan penduduk Kampung Pertak telah ditempatkan semula di kawasan lereng-lereng bukit manakala penduduk di Kampung Gerachi telah ditempatkan di kawasan atas bukit yang sejauh 20km dari tempat asal mereka. Kampung Pertak berdekatan dengan kawasan bandar Kuala Kubu Bharu manakala Kampung Gerachi Jaya terletak jauh dari bandar tersebut selepas perpindahan. Dengan ini, penduduk Gerachi Jaya memberitahu bahawa isu pengangkutan ini telah diuar-uarkan banyak kali tetapi tiada satu langkah penyelesaian yang dapat dirancang dan dilakukan untuk memudahkan penduduk tempatan.

Berdasarkan Rajah 15, jalan bukit yang digunakan untuk sampai ke Kampung Gerachi Jaya adalah curam dan jaraknya sebanyak 5km dari kaki bukit ke kampung tersebut. Keadaan ini menyebabkan penduduk yang tidak memiliki kenderaan sukar untuk membeli barangan di pekan Kuala Kubu Bharu dan secara amnya lebih terpinggir dengan penduduk di pekan secara keseluruhannya (Yew et al., 2019). Tambahan pula, mereka juga sukar untuk mencari kerja dan menghantar anak-anak ke sekolah di pekan tersebut. Ini telah menjadi kekangan kepada penduduk tempatan untuk memenuhi keperluan mencari rezeki dan mendapatkan pendidikan seperti kanak-kanak di bandar.
Menurut seorang responden yang bekerja di pekan, "*Kalau terlepas van pekerja, saya terpaksa mengambil teksi untuk sampai ke rumah. Biasanya RM30 sekali*." Ini menunjukkan bahawa bukan semua penduduk yang mampu membayar kos pengangkutan tersebut sedangkan anggaran gaji bagi kebanyakan penduduk adalah kurang daripada RM500 sebulan. Keadaan ini telah menyukarkan mereka untuk bergerak dan berinteraksi dengan penduduk di kawasan pekan dan bandar. Keadaan ini

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

selaras dengan hasil kajian yang disimpulkan oleh Mazdi et al. (2014) bahawa isu jarak yang jauh dari menyebabkan masa perjalanan pelajar Orang Asli pergi ke sekolah adalah lama sehingga mengganggu pelajaran mereka (Mazdi et al., 2014; Mohd Muizzuddin Mohd et al., 2018).

Rajah 15: Jalan bukit dari Kuala Kubu Bharu ke Kampung Gerachi Jaya.



Isu ketidaktersampaian ini jarang berlaku di Kampung Pertak kerana kampung ini berdekatan dengan pekan dan bandar. Jadi, timbullah satu isu sosial di kalangan remaja kampung ini iaitu kejadian mabuk. Menurut seorang responden, "*Orang muda di sini senang untuk membeli arak dari pekan, jadi mereka seringkali minum sampai mabuk. Mereka malas kerja, hanya minum arak*." Keadaan ini disebabkan lokasi kampung ini dengan pekan. Selain itu, ini juga menunjukkan bahawa ajaran agama di sini adalah kurang. Walaupun ada di kalangan mereka beragama Islam, tetapi mereka tidak mengamalkan amalan-amalan yang sepatutnya. Jadi, pihak berkuasa haruslah memberi perhatian dalam aspek agama ini. Pengetahuan dan pendidikan mengenai kepenggunaan harus diberikan komuniti orang Asli supaya mereka tidak menjadi mangsa hedonisme kemewahan dunia moden yang dibawa oleh arus pembangunan dan pemodenan (Mohd Roslan et al., 2019).

Isu keciciran pelajaran dalam kalangan generasi muda dapat diperhatikan di kawasan kajian berdasarkan temu bual dengan responden, keadaan ini juga dibincangkan dalam kajian tentang perubahan sosioekonomi masyarakat di kawasan lain seperti Sungai Berua (Yew et al., 2021), Jelebu di Negeri Sembilan (Rosnon et al., 2019), Runchang di Pahang (Lee et al. 2018) dan Kelantan (Wan Afizi et al., 2014).

4. Kesimpulan

Pembinaan Empangan Hulu Selangor telah menyebabkan perpindahan penduduk dari dua buah kampung iaitu Kampung Pertak dan Kampung Gerachi ke kawasan lain. Penduduk Pertak dipindahkan ke kawasan lereng bukit yang berdekatan dengan Sungai Pertak manakala penduduk Gerachi dipindahkan ke kawasan atas bukit. Kedua-dua lokasi ini dipilih oleh masyarakat tempatan atas sebab-sebab tertentu. Kesannya, lokasi ini telah memainkan peranan yang penting dalam menentukan tahap perubahan sosio-ekonomi yang dihadapi oleh mereka.

Perubahan-perubahan ini merangkumi tahap ketersampaian, assesibiliti kemudahan, jenis pekerjaan dan aspek-aspek sosioekonomi yang lain. Penduduk dari Kampung Gerachi Jaya mengalami perubahan yang lebih ketara kerana ia berada di tanah tinggi.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadi, mereka berasa agak sukar untuk menjalankan aktiviti sosio-ekonomi di kawasan pekan kerana jarak yang jauh telah meningkatkan kos pengangkutan. Anggaran pendapatan yang rendah menyebabkan mereka tidak mampu untuk membayar kos pengangkutan ini. Jadi, skop kehidupan bagi kebanyakan penduduk di kampung ini hanya di sekitar kampung sahaja.

Oleh sebab Kampung Pertak berdekatan dengan Sungai Pertak dan pekan Kuala Kubu Bharu, jadi mereka lebih cenderung untuk memperolehi peluang untuk pekerjaan dan pendidikan. Pembelian barangan juga lebih mudah kerana jarak yang dekat dengan pekan dan kos pengangkutan yang rendah. Keadaan ini menyebabkan kawasan ini mempunyai pelancong-pelancong yang masuk untuk bermain di air terjun di Sungai Pertak. Dengan ini, interaksi antara penduduk tempatan dengan masyarakat luar telah semakin kerap. Maka, penduduk di kampung ini berasa mereka puas hati dengan kemudahan-kemudahan dan lokasi yang dipilihnya semasa penempatan semula dijalankan.

Di samping itu, perlindungan daripada dieksploitasi oleh pihak luar juga perlu diberikan kepada golongan minoriti ini supaya mereka dapat menikmati hak yang sama dalam negara ini (Hasan, 1989). Oleh itu, pihak berkuasa perlu menjalankan pemantauan yang teliti tentang keperluan dan ketidakpuasan masyarakat ini selepas penempatan semula. Hal ini disebabkan kebanyakan daripada penduduk ini tidak mengetahui tentang hak mereka sebagai warga Malaysia. Tambahan pula, masyarakat minoriti ini perlu diberikan pendidikan secara formal dan tidak formal supaya masyarakat ini dapat hidup dengan sejahtera dan harmoni (Norwaliza et al., 2016).

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Malaya. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi tersebut.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Para penyelidik merakamkan terima kasih kepada Universiti Malaya, wakil Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung atas pengangkutan, bantuan dan taklimat dalam menjayakan projek penyelidikan ini. Kami juga berterima kasih kepada para responden yang sudi memberi kerjasama dalam kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang bentuk tajaan atau bantuan kewangan.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Ahmadvand, M., & Karami, E. (2009). A social impact assessment of the floodwater spreading project on the Gareh-Bygone plain in Iran: a causal comparative approach. *Environmental Impact Assessment Review, 29*(2), 126-136. https://doi.org/10.1016/j.eiar.2008.08.001

Amir Zal, W.A. (2013). Pembentukan modal insan Orang Asli Darat dan Laut di Malaysia. *Geografia Malaysia Journal of Society and Space, 9*(4), 1-14.

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). (2013). *Taklimat mengenai penempatan semula penduduk Orang Asli di Kampung Pertak dan Kampung Gerachi Jaya di Hulu Selangor.* Hulu Selangor: Rumah Rehat Kerajaan Kuala Kubu Bharu.

Hasan, M.N. (1989). Pengumpulan semula orang Asli di Betau: Satu Penelitian Ringkas, *Akademika*, *35*, 97-112.

Lee, H.Z., Yew, V.W.C., Azima, A.M., Mal, K.S. & Chan, G.K.L. (2018). Perubahan sosioekonomi komuniti orang Asli Jakun akibat Rancangan Penempatan Semula: Satu kajian kes di RPS Runchang, Pahang. *Geografia Malaysia Journal of Society and Space, 14*(4), 127-141.

Mazdi Marzuki, Jabil Mapjabil & Rosmiza Mohd Zainol. (2014). Mengupas keciciran pelajar Orang Asli Malaysia: Suatu tinjauan ke dalam isu aksesibiliti sekolah. *Geografia Malaysia Journal of Society and Space, 10*(2), 189-198.

Mohd Muizzuddin M.N., Mohamad Fauzi S., & Mohd Nasaruddin M. N. (2018). Kesedaran pendidikan dan minat kerja pelajar Orang Asli suku kaum Jakun di Rompin, Pahang. *Geografia Malaysia Journal of Society and Space,* 14(1), 72-86.

Mohd Roslan, R., Sarjit, S.G., Shamsul Azahari, Z.B., Alia Fahada, W.A.B. & Goh, A.D.H. (2019). Petunjuk pembangunan komuniti orang Asli: Suatu analisis penggunaan barangan dan perkhidmatan. *Geografia Malaysia Journal of Society and Space,* 15(1), 132-146.

Mohd Yusoff, R., Abdul Halim, S., & Pereira, J. J. (2022). Impak pembinaan empangan Temenggor ke atas sosioekonomi komuniti Orang Asli Jahai di Rancangan Pengumpulan Semula Air Banun, Perak. *Asian People Journal* , 5(1), 85-100. https://doi.org/10.37231/apj.2022.5.1.315

Mohd Yuszaidy, M.Y., Suffian, M., Karim, H. & Mohamad Rodzi, A. R. (2021). Masyarakat Orang Asli Jakun di Rompin, Pahang: Kajian terhadap pemuliharaan cerita lisan. *Geografia Malaysia Journal of Society and Space, 17*(2), 355-365.

Nordiyana, A. (2006). *Penempatan semula orang Asli Kampung Gerachi Jaya, Kuala Kubu Bharu dan kesannya terhadap sosial, fizikal dan ekonomi.* Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia.

Norwaliza, A.W., Ramlee, M. & Jasmi, A.T. (2016). Membangun modal insan Orang Asli: Kajian peranan dan penentuan matlamat pendidikan dalam kalangan ibu bapa masyarakat Orang Asli di Kuantan, Pahang. *Geografia Malaysia Journal of Society and Space, 12*(3), 1-10.

Nur Fadillah, M. & Doris, P.S. (2018). Amalan kesihatan wanita orang Asli Temuan di Kampung Kachau Luar, Semenyih, Selangor. *Geografia Malaysia Journal of Society and Space, 14*(4), 89-101.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Ronzi, M.Y., Sharina, A.H. & Joy, J.P. (2019). Impak Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) ke atas Komuniti Orang Asli Jahai di Rancangan Pengumpulan Semula Air Banun, Perak. *Asian Journal of Environment, History and Heritage,* 3(1), 175-182.

Rosnon, M. R., Gill, S. S., Badari, S. A. Z., Ab Rahman, N. A. F. W., & Goh, A. D. H. (2019). Petunjuk pembangunan komuniti orang Asli: Suatu analisis penggunaan barangan dan perkhidmatan. *Geografia Malaysia Journal of Society and Space*, *15*(1).

Seow, T.W., & Mohd Nur Syufaat, J. (2018). Pembangunan sosioekonomi orang Asli. In Sarjit, S.G., & Mohd Roslan, R. (Eds.), *Pembangunan kontemporari orang Asli* (pp. 101-117). Serdang, Universiti Putra Malaysia.

Vanclay, F. (2017). Project-induced displacement and resettlement: from impoverishment risks to an opportunity for development? *Impact Assessment and Project Appraisal* 35(1), 3–21. https://doi.org/10.1080/14615517.2017.1278671

Wan Afizi W. H., Shaharuddin A. & Noraziah, A. (2014). Faktor budaya dan persekitaran dalam prestasi pendidikan anak Orang Asli Malaysia: Kajian kes di Kelantan. *Geografia Malaysia Journal of Society and Space, 10*(5), 107-122.

Yew, W. C., Md Ramlan, S. F., Ahmad, M. R., Ab Manaf, N., Lyndon, N., & Lim, J. W. (2021). Persepsi Ibu Bapa Orang Asli Terhadap Pengalaman Pendidikan Anak-anak Orang Asli di Sekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6(12), 24 - 39.

Yew, V.W.C., Saiful Farisin, M.R., & Mohd Rusydi, A. (2019). Pendekatan kualitatif untuk memahami kualiti hidup masyarakat orang asli di Pahang. *Geografia Malaysia Journal of Society and Space, 15*(4), 191-205.

Yong, C. O. L. (2008). Autonomy reconstituted: Social and gender implications of resettlement on the Orang Asli of Peninsular Malaysia. In Bernadatte, P. R. and & Rebecca, E (Eds.). *Gender and natural resource management: Livelihoods, mobility and interventions.* London: Earthscan Publisher.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).